

03/10/1999

YTL runding semula projek Hwange

Saodi Mat Atar in Victoria Falls (Zimbabwe)

VICTORIA FALLS (ZIMBABWE): YTL Corporation Bhd dijangka tetap diberikan peluang melaksanakan projek penswastaan kuasa Hwange, kira-kira 200 kilometer dari sini, sekalipun mendapat bangkangan dari luar dan dalam Zimbabwe.

Rombongan Kumpulan YTL Corp dijangka tiba di sini bila-bila masa bagi merundingkan semula projek usaha sama itu, walaupun kerajaan pimpinan Presiden Dr Robert Mugabe dilaporkan mendapat tekanan dari Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Zimbabwe, Ali Abdullah, ketika mendedahkan tekanan dihadapi Zimbabwe itu berkata, projek berkenaan akan menjadi kayu pengukur kepada peluang pelaburan Malaysia di negara dunia ketiga itu.

"Peluang pelaburan di Zimbabwe terbuka luas kepada pelabur Malaysia dan projek kuasa Hwange ini adalah ujian terbaik.

"Jika usaha sama ini berjaya, saya percaya lebih banyak pelabur Malaysia akan datang ke sini," katanya.

Beliau menjawab soalan wartawan Malaysia berhubung status perjanjian penswastaan antara YTL Corp dan Pihak Berkuasa Pembekalan Elektrik Zimbabwe (Zesa) pada 15 Oktober 1998 bagi pembesaran Stesen Kuasa Hwange sebanyak 600 megawatt (MW) lagi.

Projek berkenaan dilaporkan tertangguh disebabkan tekanan pihak luar termasuk bangkangan firma tenaga United Kingdom, National Power, yang juga berminat dengan projek sama di Gokwe dengan nilai AS\$1 billion (RM3.8 billion).

Bagaimanapun Jun lalu, Dr Mugabe menyatakan pendirian teguh kerajaan Zimbabwe untuk menganugerahkan projek bernilai AS\$600 juta (RM2.3 billion) kepada YTL Corp berasaskan rekod keupayaan syarikat berkenaan.

Berikutan itu, beliau dijangka menimbulkan perkara berkenaan dalam kesempatan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (Said) ketiga bermula di sini, hari ini.

Dr Mahathir, satu-satunya pemimpin luar rantau Afrika yang menghadiri dialog tiga hari itu, tiba dari London pada tengah hari semalam (waktu tempatan).

Beliau sebelum ini dilaporkan berkata, YTL Corp terpaksa menarik diri daripada projek berkenaan yang sepatutnya dapat meningkatkan bekalan tenaga selain meningkatkan pembangunan industri negara itu.

Ali yang turut ditauliahkan sebagai pesuruhjaya ke lapan negara lain di Afrika berkata, pelaburan YTL Corp itu akan memberi makna cukup besar kepada pembangunan di Zimbabwe dan bakal membuka laluan kepada pelaburan lain dari Malaysia.

(END)